

Bil. 15

Khamis

6 Ogos 2020



MALAYSIA

PENYATA RASMI PARLIMEN

Parliamentary Debates

KAMAR KHAS

Special Chamber

**PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA**

K A N D U N G A N

UCAPAN DI BAWAH USUL BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN [P.M. 17]:

- **Kelewatan Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan
Jalan Sungai Besi dan Sekolah Kebangsaan Taman
Pelangi, Semenyih**
- *YB. Dr. Maszlee bin Malik (Simpang Renggam)* (Halaman 1)
- **Peruntukan untuk Pembangunan Sekolah di
Bukit Bendera**
- *YB. Tuan Wong Hon Wai (Bukit Bendera)* (Halaman 4)

**MALAYSIA
KAMAR KHAS
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PENGGAL KETIGA
MESYUARAT KEDUA
Khamis, 6 Ogos 2020**

Mesyuarat dimulakan pada pukul 2.30 petang

DOA

*[Tuan Yang di-Pertua **mempengerusikan Mesyuarat**]*

**UCAPAN DI BAWAH USUL
BERKENAAN PERKARA TADBIR KERAJAAN (P.M. 17)**

**Kelewatan Pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan
Jalan Sungai Besi dan Sekolah Kebangsaan
Taman Pelangi, Semenyih**

2.33 ptg.

Dr. Maszlee bin Malik [Simpang Renggam]: *Bismillahir Rahmanir Rahim.*

Tuan Yang di-Pertua, kualiti pengajaran dan pembelajaran di sekolah adalah sangat penting dalam memastikan kemanjadian murid-murid berjaya dicapai. Pihak Kementerian Pendidikan secara khususnya bertanggungjawab dalam menyediakan kemudahan prasarana institusi pendidikan yang terbaik buat rakyat. Sekolah yang terlalu padat sehingga membawa kepada dua sesi sedapat mungkin haruslah diselesaikan.

Masih banyak kawasan di Malaysia pada hari ini yang memerlukan pembinaan sekolah-sekolah baru bagi menampung keperluan semasa dan akan datang. Saya memahami bahawa kekangan kewangan pihak kerajaan menyebabkan sebahagian projek pembinaan sekolah baharu terpaksa ditangguhkan berdasarkan senarai keutamaan.

Walaupun begitu, saya ingin menarik perhatian Yang Berhormat Menteri Pendidikan kepada projek pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan Jalan Sungai Besi yang telah pun diluluskan oleh pihak kerajaan berserta dengan peruntukan kewangan bahkan telah pun dijadualkan pembinaannya pada awal tahun 2020. Namun masih gagal dilaksanakan atas faktor pendudukan tanah oleh sekolah bersebelahan dengan tapak projek.

Saya mahu penjelasan daripada pihak kementerian. Apakah sebab tertunggak yang menghalang pelaksanaan projek pembinaan Sekolah

Menengah Kebangsaan Jalan Sungai Besi sedangkan tanah tapak projek adalah jelas milik kerajaan dan bukan milik persendirian. Kebenaran sementara yang dikeluarkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan bertarikh 9 Mac 2015 kepada Lembaga Pengurusan Sekolah SJK(C) Tai Thung secara jelas telah menetapkan bahawa tapak berkenaan perlu diserahkan semula kepada pihak Kementerian Pendidikan sekiranya terlibat dengan projek pembangunan.

Kelulusan kebenaran menggunakan tanah juga telah ditarik balik dan dibatalkan oleh Pesuruhjaya Tanah Persekutuan melalui satu surat bertarikh 27 April 2017. Bahkan notis pengosongan juga telah dihantar kepada pihak Lembaga Sekolah berkenaan melalui surat bertarikh 27 April 2017 dan 8 Januari 2018.

Oleh yang demikian, saya mohon pihak kementerian menjelaskan apakah langkah terkini yang telah diambil bersama dengan pihak Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan bagi mendapatkan semula *vacant possession* tanah yang sebelum ini diduduki secara pinjaman oleh SJK(C) Tai Thung bagi membolehkan projek pembinaan dijalankan dengan segera. Lagi pun, tapak alternatif jalan keluar masuk ke sekolah SJK(C) Tai Thung telah dikenal pasti. Saya juga mohon penjelasan adakah Surat Setuju Terima telah pun dikeluarkan kepada syarikat yang berjaya.

Saya juga ingin mengambil kesempatan di sini agar pihak kementerian menjelaskan punca kelewatan pembinaan Sekolah Kebangsaan Taman Pelangi, Semenyih yang sepatutnya selesai pembinaannya pada awal Oktober 2020. Kegagalan untuk memulakan projek pembinaan SMK Sungai Besi pada tahun ini serta kelewatan menyiapkan pembinaan SK Taman Pelangi, Semenyih hanya akan menyusahkan penduduk sekitar yang memerlukan akses pendidikan yang selesa dan berkualiti. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

2.37 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:
Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.
Salam sejahtera dan selamat petang.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Simping Renggam atas keprihatinan Ahli Yang Berhormat terhadap projek pembinaan SMK Jalan Sungai Besi dan SK Taman Pelangi, Semenyih. Bagi pembinaan Sekolah Menengah Kebangsaan (SMK) Jalan Sungai Besi, sebagaimana Yang

Berhormat sedia maklum, projek pembinaan SMK Jalan Sungai Besi telah diluluskan di bawah *Rolling Plan I* dengan izin RMKe-11 tahun 2016.

Skop projek ini melibatkan pembinaan baharu 24 bilik darjah dan kemudahan-kemudahan lain. Status pelaksanaan projek ini adalah di peringkat pra bina. Projek ini tidak dapat dilaksanakan mengikut jadual kerana sebelum ini terdapat rayuan daripada pihak Lembaga Pengelola Sekolah (LPS), sekolah bersebelahan iaitu SJK(C) Tai Thung untuk terus menggunakan sebahagian tapak SMK Jalan Sungai Besi sebagai padang sekolah dan tempat letak kereta guru serta pelajar di SJK(C) tersebut.

Antara langkah yang telah diambil oleh KPM dalam memastikan pelaksanaan projek SMK Jalan Sungai Besi ini adalah seperti berikut:

- (i) KPM telah mengeluarkan surat arahan pengosongan tapak bagi memberi laluan kerja-kerja pembinaan projek pada 20 November 2017 dan 8 Januari 2018;
- (ii) KPM juga telah melaksanakan tender pada tahun 2018, namun ditangguhkan kerana telah menerima bantahan daripada pihak LPS SJK(C) Tai Thung. Tempoh sah laku tender bagi projek ini telah tamat pada 2 Jun 2018;
- (iii) KPM telah mengadakan sesi mesyuarat dan perbincangan bersama pihak LPS SJK(C) Tai Thung, Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (JKPTG), Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur dan Dewan Bandaraya Kuala Lumpur (DBKL) pada 27 Jun 2019. Mesyuarat dan perbincangan penyelarasan bersama pihak JKPTG dan PTGKL telah diadakan pada 29 Jun 2020 yang lampau.

■1440

Selain daripada itu, projek ini belum dapat dilaksanakan kerana KPM perlu meneliti semula anggaran kos projek bagi mendapatkan anggaran kos yang terkini memandangkan anggaran kos sedia ada menggunakan anggaran kos tahun 2016. Sebarang perubahan kos projek perlu mendapat kelulusan terlebih dahulu daripada Unit Perancang Ekonomi (UPE), Jabatan Perdana Menteri (JPM). Dokumen tender perlu dimuktamadkan sebelum ianya diiklankan. Oleh itu, pelantikan kontraktor akan dibuat selepas proses penilaian tender selesai.

Pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan (PKP) turut memberi kesan terhadap perancangan dan garis masa proses kerja tersebut. Oleh itu, jadual perancangan pelaksanaan projek perlu di jajar semula secara keseluruhannya.

Tuan Yang di-Pertua, KPM sentiasa bekerjasama rapat dengan semua pihak termasuklah pihak Pejabat Tanah dan Galian Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur (PTGWPKL), DBKL dan lain-lain agensi berkaitan untuk memastikan projek pembinaan SMK Jalan Sungai Besi dapat dilaksanakan seperti yang dirancang.

Bagi pembinaan Sekolah Kebangsaan (SK) Taman Pelangi, Semenyih. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pembinaan SK Taman Pelangi Semenyih dengan skop 24 bilik darjah dan kemudahan lain di Semenyih, Hulu Langat, Selangor masih dalam fasa pembinaan. Projek ini bermula pada 22 Oktober 2018 dan tarikh siap asal adalah pada 19 Oktober 2020 dalam tempoh 24 bulan.

Pada awalnya projek ini telah mengalami kelewatan disebabkan keperluan mendapatkan persetujuan penduduk bagi jalan masuk ke tapak pembinaan. Untuk makluman, jalan masuk ke tapak pembinaan menggunakan jalan utama yang sama untuk kegunaan penduduk. Perkara ini telah diselesaikan dan kerja-kerja telah mula dilaksanakan di tapak sekarang ini.

Seterusnya, pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan juga telah mengehendkan kerja-kerja binaan di tapak dan seterusnya menjejaskan prestasi kontraktor. Selaras dengan itu, projek ini telah mendapat kelulusan lanjutan masa (EOT) dan tarikh siap baharu adalah pada 16 Jun 2021.

Kontraktor telah giat menyambung semula kerja-kerja pembinaan projek tersebut mulai 10 Jun 2020 sehingga 31 Julai 2020. Prestasi projek adalah mendahului jadual iaitu 18 peratus yang sebenarnya sekarang ini berbanding 16 peratus sepatutnya mengikut jadual. KPM komited untuk memastikan projek ini siap mengikut jadual yang telah ditetapkan. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Peruntukan Untuk Pembangunan Sekolah di Bukit Bendera

2.43 ptg.

Tuan Wong Hon Wai [Bukit Bendera]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pada kesempatan petang ini, izinkan saya membangkitkan isu yang berkaitan dengan peruntukan untuk pembangunan sekolah-sekolah di bawah Parlimen Bukit Bendera.

Terdapat 26 buah sekolah harian di Parlimen Bukit Bendera. Saya sebut satu-persatu iaitu:

- (i) SMK Pendidikan Khas Persekutuan;
- (ii) SMK Tanjong Bunga;
- (iii) SMK (P) St. George;
- (iv) SMK Convent Pulau Tikus;
- (v) SMK Padang Polo;
- (vi) SMK Tunku Puan Habshah;
- (vii) SMJK Perempuan China Pulau Pinang;
- (viii) SK Batu Feringhi;
- (ix) SK Tanjong Bungah;
- (x) SK Tanjong Tokong;
- (xi) SK Padang Tembak;
- (xii) SK St. Xavier;
- (xiii) SK Jalan Residensi;
- (xiv) SK Dato Keramat;
- (xv) SK Francis Light;
- (xvi) SK Convent Pulau Tikus;
- (xvii) SK St. Xavier Cawangan;
- (xviii) SK Pendidikan Khas Persekutuan;
- (xix) SJK(C) Pai Chai;
- (xx) SJK(C) Poay Wah;
- (xxi) SJK(C) Hun Bin;
- (xxii) SJK(C) Phor Tay;
- (xxiii) SJK(C) Perempuan China Pulau Pinang;
- (xxiv) SJK(C) Shang Wu;
- (xxv) SJK(T) Azad; dan
- (xxvi) SJK(T) Rajaji

Tanpa mengambi kira lokasi sesebuah sekolah tersebut, setiap sekolah memerlukan peruntukan pembangunan daripada kerajaan, sama ada untuk kerja membaik pulih kemudahan sedia ada yang telah rosak, penyelenggaraan berkala dan penambahbaikan kepada kemudahan yang sedia ada.

Adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk membekalkan kemudahan yang terbaik berlandaskan kemampuan kewangan semasa kerajaan supaya bidang pendidikan akan menjadi penentu masa depan negara. Saya ingin memohon maklumat dan maklum balas berikut dari Kementerian Pendidikan untuk perkara-perkara di bawah:

- (i) memohon menyenaraikan jumlah peruntukan pembangunan yang diperolehi oleh setiap satu sekolah di Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018 dan tahun 2019;
- (ii) senaraikan perancangan peruntukan pembangunan oleh sekolah-sekolah tersebut 35 pada tahun 2020;
- (iii) senaraikan sekolah-sekolah yang mempunyai aliran Pendidikan Khas; dan
- (iv) apakah langkah-langkah untuk membantu pelajar-pelajar Pendidikan Khas di Parlimen Bukit Bendera.

Saya memohon supaya Yang Berhormat Timbalan Menteri Pendidikan dan Kementerian Pendidikan dapat memberikan jawapan terhadap setiap satu persoalan yang dibangkitkan di atas. Sekian, terima kasih.

2.45 ptg.

Timbalan Menteri Pendidikan II [Tuan Muslimin bin Yahaya]:

Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Bukit Bendera atas perhatian Ahli Yang Berhormat terhadap pembangunan pendidikan di kawasan Parlimen Bukit Bendera.

Ada tiga perkara yang perlu saya perjelaskan. Pertama, bagi peruntukan penyelenggaraan sekolah di Parlimen Bukit Bendera pada tahun 2018 dan 2019. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, berdasarkan rekod Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM), terdapat 29 buah sekolah di Parlimen Bukit Bendera iaitu 19 buah sekolah rendah dan 10 buah sekolah menengah. Ini melibatkan 16 buah sekolah kerajaan dan 13 buah sekolah bantuan kerajaan.

Pada tahun 2018, KPM telah menyalurkan peruntukan RM1.79 juta melalui Jabatan Pendidikan Negeri (JPN) Pulau Pinang bagi tujuan penyelenggaraan dan pembaikan 24 buah sekolah di Parlimen Bukit Bendera. Bagi tahun 2019 pula, keseluruhan peruntukan yang disalurkan melalui JPN Pulau Pinang adalah sebanyak RM1.51 juta untuk penyelenggaraan dan pembaikan sekolah di Parlimen Bukit Bendera. Dalam jawapan saya nanti Yang Berhormat, kita kepilkan jadual.

Saya bagi satu contoh; Sekolah Menengah Kebangsaan Cina Pulau Pinang, pada tahun 2018 mendapat peruntukan sebanyak RM285 ribu dan tahun 2019 sebanyak RM80 ribu. Bagi SK Padang Tembak contohnya, tahun

2018 kita memberi peruntukan sebanyak RM185 ribu dan tahun 2019 sebanyak RM110 ribu.

Bagi SJK(C) Perempuan Cina, tahun 2018 kita memberi peruntukan sebanyak RM180 ribu dan 2019 sebanyak RM120 ribu. Jadi keseluruhan 26 buah sekolah sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat tadi, jumlah keseluruhan tahun 2018 adalah sebanyak RM1.785 juta dan tahun 2019 sebanyak RM1,514.500.

Bagi perancangan peruntukan penyelenggaraan sekolah di Parlimen Bukit Bendera tahun 2020. Pada tahun 2020, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.35 juta pada bulan Januari dan Februari 2020 untuk penyelenggaraan dan pembaikan 14 buah sekolah kerajaan di Parlimen Bukit Bendera.

Antaranya SMK Pendidikan Khas mendapat RM269,463. SMK Tanjung Bungah sebanyak RM25,000 dan berikut adalah antara yang telah menerima peruntukan sepanjang tahun 2020 termasuk SK Dato Keramat sebanyak RM20,000; SK Francis Light sebanyak RM60,000. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak RM1.38 juta.

Senarai sekolah yang mempunyai aliran Pendidikan Khas di Parlimen Bukit Bendera. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, terdapat dua buah sekolah Pendidikan Khas di Parlimen Bukit Bendera iaitu SK Pendidikan Khas Persekutuan dan SMK Pendidikan Khas Persekutuan. Di samping itu, terdapat empat buah sekolah melaksanakan Program Pendidikan Khas Integrasi (PPKI) iaitu SK Francis Light, SK Tanjung Bungah, SMK Tanjung Bungah dan SMK Padang Polo.

Selain itu, terdapat 16 buah sekolah harian yang mempunyai murid berkeperluan khas (MBK) iaitu SK Tanjung Tokong, SK Batu Ferringhi, SK Padang Tembak, SK St. Xavier Cawangan, SK Francis Light, SK St. Xavier, SK Dato Keramat, SJK(C) Hun Bin dan yang terakhir SMK Tunku Puan Habshah. Ada lebih kurang 16 buah sekolah.

Bagi langkah-langkah untuk membantu pelajar Pendidikan Khas di Parlimen Bukit Bendera. Tuan Yang di-Pertua, KPM sentiasa berusaha untuk menempatkan MBK di sekolah yang mempunyai infrastruktur, guru dan PPM yang bersesuaian. Ini adalah membolehkan MBK dapat menerima pendidikan yang berkualiti dalam keadaan selamat dan selesa.

Bagi memastikan MBK dapat menikmati akses pendidikan yang saksama, KPM telah melaksanakan pelbagai program serta inisiatif bertujuan untuk meningkatkan potensi MBK. Antara usaha yang dijalankan oleh KPM dan JPN Pulau Pinang khususnya di Parlimen Bukit Bendera adalah dengan

menyediakan peruntukan bagi kerja-kerja penyelenggaraan. Peruntukan yang disediakan adalah seperti berikut:

- (i) SK Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang telah mendapat peruntukan sebanyak RM67,200;
- (ii) SMK Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang, peruntukkannya sebanyak RM269,463; dan
- (iii) PPKI SMK Tanjung Bungah menerima peruntukan penyelenggaraan sebanyak RM50,000.

Tuan Yang di-Pertua, khidmat sokongan dan bantuan merupakan satu keperluan dalam membantu meningkatkan keberkesanan pengajaran dan pembelajaran MBK. Khidmat sokongan dan bantuan merangkumi bantuan kewangan, bantuan peralatan khas dan bantuan khidmat sokongan seperti:

- (i) Elaun murid berkeperluan khas (EMK) dengan kadar RM150 sebulan kepada MBK di sekolah kerajaan atau sekolah bantuan kerajaan termasuk pelajar di kolej vokasional dan matrikulasi yang mempunyai kad orang kurang upaya (OKU). Jadi senarai sekolah dan jumlah MBK yang menerima EMK ada lebih kurang, penerimanya adalah lebih kurang 399 orang; dan
- (ii) Bantuan Rancangan Makanan Tambahan (RMT) kepada semua MBK dengan kadar RM2.50 bagi seorang murid kecuali murid yang tinggal di asrama.

Berikut saya juga ada jadual berkaitan dengan penerima Rancangan Makanan Tambahan di kawasan Bukit Bendera yang berjumlah sebanyak 108 orang penerima. Semua MBK yang tinggal di asrama layak menerima Bantuan Makanan Asrama (BMA) yang dikecualikan daripada bayaran yuran makanan murid. Semua guru yang ditempatkan di sekolah Pendidikan Khas dan PPKI diberi latihan mengikut keperluan MBK.

KPM turut merancang untuk melaksanakan kursus pemantapan profesionalisme perguruan, kemahiran strategi dan kaedah pengajaran dan pemudah cara berkesan dan Latihan Kepimpinan Pendidikan Khas kepada guru pada bulan September 2020.

Penubuhan Pusat Perkhidmatan Pendidikan Khas yang menawarkan perkhidmatan audiologi, terapi pertuturan, terapi cara kerja dan perkhidmatan pegawai intervensi kepada guru Pendidikan Khas dan MBK. Antara aktiviti yang dijalankan adalah memberi konsultasi dan khidmat sokongan berkaitan terapi cara kerja dan pengendalian MBK kepada guru-guru Pendidikan Khas dan juga ibu bapa.

Tuan Yang di-Pertua, selain itu, pihak swasta juga turut bekerjasama melalui Program Tanggungjawab Sosial Korporat (CSR) dengan menyumbang alat bantu pendengaran dan bateri secara percuma serta pemeriksaan dan latihan pengendalian alat bantu pendengaran kepada sekolah Pendidikan Khas dan sekolah yang melaksanakan PPKI di Parlimen Bukit Bendera.

KPM juga telah melaksanakan Dasar Sifar Penolakan (*Zero Reject Policy*) secara menyeluruh bagi MBK. Hal ini bagi memastikan tiada murid dalam kalangan OKU dinafikan daripada memasuki alam persekolahan, mendapat hak pendidikan yang sama seperti murid yang lain serta dapat mengekalkan isu keciciran pendidikan dalam kalangan OKU. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Kamar Khas hari ini ditangguhkan sehingga pukul 2.30 petang hari Isnin, 10 Ogos 2020. Terima kasih. *Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.*

[Kamar Khas ditangguhkan pada pukul 2.54 petang]

*Maklumat Tambahan

Bagi pada tahun 2019 pula, keseluruhan peruntukan yang disalurkan melalui JPN Pulau Pinang adalah sebanyak RM1.51 juta untuk penyelenggaraan dan pembaikan sekolah di Parlimen Bukit Bendera.

BIL	NAMA SEKOLAH	TAHUN 2018 (RM)	TAHUN 2019 (RM)
1	SMK Pendidikan Khas Persekutuan (P)	-	-
2	SMK Tanjung Bunga	20,000	30,000
3	SMK (P) St George	50,000	150,000
4	SMK Convent Pulau Tikus	100,000	150,000
5	SMK Padang Polo	20,000	20,000
6	SMK Tunku Puan Habsah	20,000	50,000
7	SMK Perempuan China Pulau Pinang	285,000	80,000
8	SK Batu Feringghi	20,000	70,000
9	SK Tanjung Bunga	20,000	40,000
10	SK Tanjung Tokong	20,000	28,500
11	SK Padang Tembak	185,000	110,000
12	SK St Xavier	100,000	30,000
13	SK Jalan Residen	20,000	78,000
14	SK Dato Kramat	20,000	65,000
15	SK Francis Light	80,000	38,000
16	SK Convent Pulau Tikus	20,000	40,000
17	SK St Xavier Cawangan	150,000	30,000
18	SK Pendidikan Khas Persekutuan	-	-
19	SJK (Cina) Pai Chai	40,000	20,000
20	SJK (Cina) Poay Wah	40,000	25,000
21	SJK (Cina) Hun Bin	150,000	85,000
22	SJK (Cina) Phor Tay	65,000	55,000
23	SJK (Cina) Perempuan China	180,000	120,000
24	SJK (Cina) Shang Wu	100,000	120,000
25	SJK (Tamil) Azad	50,000	30,000
26	SJK (Tamil) Rajaji	30,000	50,000
JUMLAH		1,785,000.00	1,514,500.00

Bagi tahun 2020, KPM telah menyalurkan peruntukan sebanyak RM1.35 juta pada bulan Januari dan Februari 2020 untuk penyelenggaraan dan pembaikan 14 buah sekolah kerajaan di Parlimen Bukit Bendera.

BIL	NAMA SEKOLAH	TAHUN 2020 (RM)
1	SMK Pendidikan Khas Persekutuan (P)	269,463
2	SMK Tanjung Bunga	25,000
3	SMK (P) St George	220,000
4	SMK Convent Pulau Tikus	Dalam proses penilaian agihan
5	SMK Padang Polo	110,000
6	SMK Tunku Puan Habsah	100,000
7	SMK Perempuan China Pulau Pinang	Dalam proses penilaian agihan
8	SK Batu Feringghi	50,000
9	SK Tanjung Bunga	56,500
10	SK Tanjung Tokong	140,000
11	SK Padang Tembak	50,000
12	SK St Xavier	Dalam proses penilaian agihan
13	SK Jalan Residen	60,000

BIL	NAMA SEKOLAH	TAHUN 2020 (RM)
14	SK Dato Kramat	20,000
15	SK Francis Light	60,000
16	SK Convent Pulau Tikus	60,000
17	SK St Xavier Cawangan	Dalam proses penilaian agihan
18	SK Pendidikan Khas Persekutuan	67,200
19	SJK (Cina) Pai Chai	Dalam proses penilaian agihan
20	SJK (Cina) Poay Wah	Dalam proses penilaian agihan
21	SJK (Cina) Hun Bin	Dalam proses penilaian agihan
22	SJK (Cina) Phor Tay	Dalam proses penilaian agihan
23	SJK (Cina) Perempuan China	Dalam proses penilaian agihan
24	SJK (Cina) Shang Wu	Dalam proses penilaian agihan
25	SJK (Tamil) Azad	Dalam proses penilaian agihan
26	SJK (Tamil) Rajaji	Dalam proses penilaian agihan
	JUMLAH	1,348,163.00

Senarai sekolah dan jumlah MBK yang menerima Elaun Murid Berkeperluan Khas

BIL.	NAMA SEKOLAH	JUMLAH MBK MENERIMA EMK
1	SK Tanjung Tokong	2
2	SK Tanjung Bunga	23
3	SK Batu Feringghi	2
4	SK Padang Tembak	1
5	SK St Xavier Cawangan	2
6	SK Francis Light	16
7	SK St Xavier	8
8	SK Dato Kramat	2
9	SJKC Hun Bin	2
10	SJKC Poay Wah	1
11	SJKC Shang Wu	2
12	SJKC Phor Tay	4
13	SK Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang	27
14	SMK Pendidikan Khas Persekutuan Pulau Pinang	109
15	SMK Tanjung Bunga	27
16	SMK Phor Tay	37
17	SMJK Perempuan China Pulau Pinang	1
18	SMK (P) St George	4
19	SMK Convent Pulau Tikus	1
20	SMK Padang Polo	125
21	SMK Tunku Puan Habsah	3
	JUMLAH	399

Senarai Sekolah dan Bilangan Penerima Rancangan Makanan Tambahan (RMT) Dalam Parlimen Bukit Bendera

BIL.	NAMA SEKOLAH	BIL. MBK YANG MENERIMA RMT
1	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Hun Bin	2
2	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Phor Tay	5
3	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Poay Wah	1
4	Sekolah Jenis Kebangsaan (Cina) Shang Wu	2

5	Sekolah Kebangsaan Batu Feringghi	2
6	Sekolah Kebangsaan Dato Kramat	2
7	Sekolah Kebangsaan Francis Light	17
8	Sekolah Kebangsaan Padang Tembak	2
9	Sekolah Kebangsaan St Xavier	8
10	Sekolah Kebangsaan St Xavier Cawangan	2
11	Sekolah Kebangsaan Tan Sri P.Ramlee	40
12	Sekolah Kebangsaan Tanjong Tokong	2
13	Sekolah Kebangsaan Tanjung Bunga	23
	JUMLAH	108